

Contohi konsep wakaf pondok bina asrama pelajar universiti



Profesor kehormat dalam bidang hartanah di Infrastruktur Universiti Kuala Lumpur (IUKL)

Oleh Ismail Omar
bhrencana@bh.com.my

Peruntukan RM25 juta diisytiharkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk disalurkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertujuan membina asrama pelajar bagi menampung keperluan semasa di universiti berkenaan.

Dilaporkan rata-rata kadar penghunian asrama pelajar di seluruh universiti awam (UA) hanya 60 peratus, manakala kadar pelajar UPSI menginap di asrama lebih rendah.

Jika dibandingkan keperluan asrama pelajar bagi universiti swasta pula, perbezaan ketara boleh dilihat. Kajian mendapati secara purata, universiti swasta menyediakan asrama pelajar kira-kira 40 peratus sahaja.

Itupun jarak antara asrama pelajar dengan kolej agak jauh. Ada menyewa bangunan asrama dalam lingkungan 10 kilometer dengan tempat belajar. Walaupun bas disediakan, masa diambil agak panjang dan boleh mengganggu kelancaran kuliah.

Terdapat juga pelajar sering ponteng kuliah di sebabkan asrama jauh dari kolej tempat belajar. Lebih malang lagi, ada kolej swasta tidak menyediakan asrama kepada pelajarinya.

Bagaimanakah masalah penyediaan asrama pelajar universiti boleh ditangani? Adakah peruntukan dan bantuan kewangan kerajaan sahaja harus digunakan?

Jawapannya sudah tentu tidak sama sekali. Kalau kita lihat universiti terkenal di luar negara, kebanyakan menyediakan asrama pelajar berde-

katan atau di sebelah tempat pengajian pelajar.

Ada juga universiti menyediakan asrama pelajar bersebelahan makmal ujian supaya mudah menjalankan uji kaji. Ada universiti membina asrama di sebelah perpustakaan dan bilik kuliah bagi memudahkan pelajar menelaah pelajaran.

Sejarah wakaf bermula di negara kita sebelum merdeka dengan penubuhan pondok pengajian ilmu Islam. Pondok berkenaan ditubuhkan ulama pengajian Islam yang begitu prihatin menyokong tuntutan Islam.

Pondok pengajian berteraskan wakaf

Tanpa modal kewangan besar, mereka membuka pondok pengajian berteraskan wakaf. Boleh dikatakan kebanyakan pondok menyediakan asrama pelajar di kawasan mereka sendiri. Pola seperti ini masih terdapat di beberapa pusat pengajian tahfiz di negara kita. Begitu juga pesantren di seluruh Indonesia.

Begitu juga di Asia Barat, kita boleh melihat banyak asrama pelajar di Mesir, Jordan, Kuwait dan Arab Saudi dibina bagi menampung keperluan pelajar. Kebanyakan asrama berkenaan dibina berteraskan wakaf. Bermakna, universiti atau kerajaan mengumpulkan dana wakaf dan membina bangunan asrama untuk keperluan pelajar berkenaan.

Dana wakaf berkenaan boleh juga disumbangkan dermawan atau pewakaf dalam kalangan korporat atau individu melalui pelbagai cara seperti dalam talian, potongan gaji dan tabung wakaf bergerak.

Sudah tentu, tabung wakaf asrama mampu menjaga kewangan bagi membantu kerajaan dan universiti membina asrama bagi menampung keperluan pelajar.

Pada 2016, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membiayai kajian wakaf pendidikan tinggi. Dengan dana hampir RM3 juta dan membabitkan kira-kira 70 penyelidik daripada tujuh universiti tempatan, kajian itu berjaya dilaksanakan.

Antara bidang dikaji dengan mendalam adalah cara membina dan mengendalikan wakaf asrama di UA. Hasilnya, kira-kira 100 jurnal artikel diterbitkan mengenai wakaf pendidikan dan 30 lulusan ke-doktoran dalam bidang wakaf berjaya dilahirkan. Malang apabila asrama wakaf dicadangkan masih belum wujud di negara ini.

Oleh itu, penggunaan konsep wakaf asrama perlu difahami terutama agensi berkaitan wakaf seperti Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan majlis agama Islam negeri (MAIN).

Pihak korporat dan individu terutama berperanan di universiti hendaklah mendalami hal ehwal wakaf supaya dapat membantu membina wakaf asrama dengan sebaik-baiknya.

Kerajaan Persekutuan pula boleh terbabit dengan agensi berkaitan wakaf seperti MAIN secara perkongsian bagi membina dan mengurus asrama wakaf.

Bagi universiti swasta pula, pembinaan dan pengurusan asrama wakaf boleh dijalankan secara perkongsian pintar swasta-awam (PPP). Kerajaan boleh menyediakan tanah dengan harga lebih murah (melalui tanah wakaf di seluruh negara) dan lokasi sesuai, manakala universiti swasta menyediakan kepakaran pembinaan serta menguruskan asrama berkenaan. Begitu juga dengan bank boleh menyediakan pembiayaan secara patuh syariah.

Apabila wakaf asrama dibina dan diuruskan dengan baik, maka kesejahteraan masyarakat dapat diwujudkan. Universiti dapat menyediakan keperluan asrama pelajar dengan lebih murah dan lancar.